



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 4 TAHUN 2008**

**PELAKSANAAN PEMASANGAN *GLOBAL POSITIONING SYSTEM* (GPS) KE ATAS KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM
(BAS EKSPRES)**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 18 OGOS 2008

Semua Persatuan Bas Ekspres Semenanjung Malaysia.
Semua Pengusaha Bas Ekspres Semenanjung Malaysia.

**PELAKSANAAN PEMASANGAN *GLOBAL POSITIONING SYSTEM (GPS)* KE ATAS KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM
(BAS EKSPRES)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengusaha-pengusaha kenderaan pengangkutan awam mengenai pelaksanaan pemasangan *Global Positioning System (GPS)* ke atas pengangkutan awam khususnya bas ekspres di Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 16/2008 bertarikh 28 Julai 2008 telah memutuskan semua bas ekspres hendaklah dipasang dengan *Global Positioning System (GPS)* mengikut garis panduan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) selaras peruntukan Seksyen 19 (1)(a)(viii) dan Seksyen 19 (2) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334).

PELAKSANAAN

3. Pemasangan *Global Positioning System (GPS)* kepada bas ekspres adalah seperti berikut:-

3.1 Bagi permohonan bas ekspres baru dan permohonan ganti kenderaan (baru atau masih berkuatkuasa tempoh usia) dilaksanakan serta-merta berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

4. Pengusaha hendaklah memasang GPS daripada syarikat yang diperakukan oleh LPKP seperti berikut:-

4.1 Trisystem Engineering Sdn Bhd
No. 16, Jalan Astaka U8/82
Bukit Jelutong Commercial Area
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7847 3278
Faks: 03-7847 5236

4.2 Simbol Prima Sdn Bhd
No. 8-1, Jalan Puteri ½
Bandar Puteri Puchong
47100 Puchong
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8060 2421
Faks: 03-8060 1814

4.3 Global Telematics Sdn Bhd
51-2, Jalan 5/18A
Taman Mastiara
Batu 5½, Jalan Ipoh
51200 Kuala Lumpur
Tel: 03-62579472
Faks: 03-62574108

4.4 Delta Tumpuan Sdn Bhd
Unit 509, Level 5, Block F
Phileo Damansara 1
No. 9, Jalan 16/11
Off Jalan Damansara
46350 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-76652999
Faks: 03-76653999

5. Syarikat bas ekspres yang telah memasang GPS perlu mengemukakan spesifikasi GPS kepada LPKP bagi tujuan pengesahan supaya memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS).

PENUTUP


6. Pemasangan GPS diharap dapat meningkatkan kualiti dan keselamatan perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam di Malaysia.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEUSAHAWAN KERJAYA PILIHAN”



(NAIMAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia,

Kementerian Pembangunan Usahawan,

18 OGOS 2008